

Dr M: Kita tidak tunduk dengan ugutan Russia

BANGI, Ahad — Malaysia tidak terperanjat bahkan menganggap sebagai perkara biasa bagi Russia untuk mencari alasan membekalkan senjata kepada pengganas komunis di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika Russia boleh membekalkan senjata kepada negara-negara di Afrika dan menakluki Afghanistan, "saya tidak nampak

mengapa Russia tidak boleh menggunakan Vietnam untuk membekalkan senjata kepada pengganas komunis di sini".

Bellau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Luar Russia, Encik Mikail Kapitsa yang menyebut bahawa Vietnam mungkin membekalkan senjata kepada pengganas komunis di rantau ini jika Asean terus menyokong kerajaan campuran Demokratik Kampuchea.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak tunduk dengan ugutan seperti itu. Pencerobahan Vietnam di Kampuchea tidak boleh dibiarkan kerana jika ia dibiarkan ia akan menakluki negara ini satu hari kelak.

Senjata

Katanya, Vietnam mencerobohi Thailand atas sekongan Russia dan memang wajar Thailand mendapat senjata yang dibelinya dari Amerika Syarikat.

Mengulas penubuhan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah (ATPC), Datuk Seri Dr Mahathir menganggap penubuhannya sebagai langkah pertama untuk mengawasi Majlis Bijih Timah Antarabangsa (ITC).

Mengenai penjualan stok penimbal getah Amerika Syarikat melalui Pentadbiran Perkhidmatan Am (GSA) beliau berkata, adalah lebih baik pada Amerika memberi notis kepada negara-negara pengeluar mengenai penjualan stok mereka.

Katanya, mereka boleh menjual bijih timah itu tetapi jangan mengumumkannya di pasaran terlebih dahulu kerana ia akan menjejaskan pasaran.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia